

## **PONDOK ALIRAN JAWA DI SELANGOR: PENGENALAN**

Abu Zaki Ismail, Amzan Satiman, Mohd Khafidz Soroni

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[abuzaki@kuis.edu.my](mailto:abuzaki@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Selain dari pondok-pondok di Kelantan dan Kedah, pondok aliran Jawa turut menyumbang pembangunan agama di Malaysia pada masa silam. Artikel ini mendedahkan tentang demografi pondok-pondok yang dipimpin oleh ulama dari etnik Jawa dan menggunakan kitab-kitab dan bahasa pengantar Jawa. Tumpuan diberi di Selangor sebagai negeri yang memiliki populasi besar etnik Jawa. Melalui metode temubual dengan lepasan pondok-pondok tersebut, kajian ini membentangkan profil pondok, guru-guru, jenis pengajian dan metode pengajian yang digunakan. Kebanyakan pondok-pondok ini sudah dibubarkan atau dirombak menjadi sekolah agama rakyat aliran Melayu sebagai kesan kepada dominasi sistem pendidikan kebangsaan dan penggunaan bahasa Melayu oleh majoriti umat Islam di Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Pondok Jawa, Kiyai, Aliran Jawa, Pondok Selangor, Jawa Malaysia*

### **1. MUKADIMAH**

Pengajian pondok sebagai sistem pendidikan klasik telah menyumbang kepada pembangunan ilmu di Malaysia. Seperti pondok-pondok di Kelantan dan Kedah, pondok aliran Jawa turut menyumbang pembangunan agama pada masa lalu. Namun, penulisan berkaitan pondok-pondok ini masih kurang dan masih banyak kajian mengenainya diperlukan. Ini kerana insitansi ini turut berperanan dalam membangunkan masyarakat Islam di Malaysia, khususnya dalam kelompok etnik Jawa.

### **2. KEISTIMEWAAN PONDOK JAWA**

Pondok Jawa didefinisikan dalam kajian ini sebagai pusat pengajian agama tradisional yang menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa pengantar. Guru-guru yang menyampaikan pengajaran di pondok-pondok ini juga berasal dari keturunan Jawa. Kebanyakan mereka memang lahir di Jawa, Indonesia dan berhijrah ke Malaysia (Tanah Melayu) dari Pulau Jawa. Mereka mengajar menggunakan kitab-kitab berbahasa Arab dan diterjemahkan ke bahasa Jawa kasar dan halus. Bahkan, terdapat beberapa kitab memang ditulis dalam bahasa Jawa. Mereka tidak menggunakan kitab berbahasa Melayu. Ini berbeza dengan pondok-pondok lain yang menggunakan bahasa pengantar Melayu dan kitab bahasa Melayu sahaja, walaupun mereka berasal dari pelbagai etnik lain.

Pondok-pondok aliran Jawa juga dapat dikenalpasti dari gelaran guru dan pengasasnya. Mereka menggunakan gelaran kiyai (*ki-ya-ei*) berbanding guru pondok etnik lain yang dipanggil tuan guru, tok guru, syeikh, tuan dan lain-lain.

### **3. PENGHIJRAHAN MASYARAKAT JAWA KE TANAH MELAYU**

Masyarakat Jawa telah lama wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Kajian oleh Khazin Mohd Tamrin menunjukkan masyarakat Jawa telah mula mendiami daerah-daerah Kelang, Kuala Langat, Tanjung Karang dan Sabak Bernam sejak penghujung abad ke 19. Sebahagian mereka merupakan peneroka yang memohon tanah dari kerajaan, menanam pisang dan pinang, buruh di ladang kopi dan penanam kelapa. Mereka datang memenuhi sebahagian rancangan kerajaan British yang kekurangan tenaga untuk pembangunan pertanian. Penduduk tempatan kurang berminat bekerja sebagai buruh kepada kapitalis barat dan kerajaan.

Peringkat awal, mereka merupakan pesawah padi dan pekebun-pekebun kecil menanam kelapa dan menoreh getah. Kemudian, mereka masuk sebagai buruh-buruh terutama antara tahun 1910 hingga 1913. Menurut Abdul Malik Munip, jangka masa di antara tahun 1910-1913 ini adalah merupakan puncak kepada kemasukan buruh-buruh Jawa dan Banjar ke negeri-negeri Melayu bersekutu. Menurut Khazin:

“Orang-orang Jawa adalah merupakan golongan yang paling ramai dan berminat untuk datang ke Tanah Melayu. Peluang-peluang untuk bekerja sebagai buruh dan membuka hutan adalah merupakan suatu tarikan yang kuat kepada mereka. Sejak tahun 1880-an hingga menjelang perang dunia kedua, penghijrahan orang Jawa ke Tanah Melayu sentiasa berjalan dengan lancar. Dalam tahap-tahap ini juga muncul dengan banyaknya penempatan-penempatan luar bandar yang diteroka dan dimajukan oleh orang-orang Jawa.”

Selain dari itu, terdapat penghijrahan dalam bentuk lain iaitu pelarian politik, *minggat* (lari bawa diri kerana merajuk), penculikan dan penipuan sindiket (seperti penipuan sindiket haji).

#### **4. PONDOK-PONDOK UTAMA MASYARAKAT JAWA DI SELANGOR**

Setelah penghijrahan dan penempatan Jawa wujud di Tanah Melayu, mereka merasakan keperluan hidup beragama. Lalu berlakulah penghijrahan golongan santri dan kiyai pula. Sebahagian mereka dihantar untuk berdakwah seperti Kiyai Qaribun yang menghantar tiga orang anaknya iaitu Kiyai Ali, Kiyai Syafi'i dan Kiyai Abbas untuk berdakwah. Sebahagian mereka datang bersama imigran lain yang menjadi peneroka hutan. Kiyai-kiyai inilah yang menubuhkan pengajian pondok yang biasanya bermula dengan pengajian di rumah. Kemudian setelah murid-muridnya bertambah ramai, pengajian tersebut berpindah ke surau atau masjid. Setelah itu, barulah dibina penginapan pondok-pondok bersaiz kecil yang hanya muat untuk berbaring dan sekaligus memasa di situ.

##### **4.1. Pondok Kiyai Muhammad Ali**

Pondok ini merupakan pondok Jawa yang pertama diketahui ditubuhkan di Selangor. Ia terletak di Batu 1, Kampung Sijangkang Kuala Langat, Selangor. Ia bermula dari sebuah masjid yang didirikan oleh Kiyai Haji Muhammad Ali Qaribun dengan bantuan adik-adiknya. Masjid ini dinamakan Masjid Kiyai Haji Muhammad Ali Umar. Kiyai Haji Ali mengajar di masjid ini dengan bilangan murid yang sedikit dan lama kelamaan, muridnya mencecah 400 orang. Mereka mendirikan pondok-pondok kecil di sekitar masjid berkenaan.

##### **4.2. Pondok Kiyai Husain**

Pondok pengajian ini ditubuhkan sekitar tahun 1944 di Sijangkang, Kuala Langat juga. Ia dikenali sebagai 'Pondok Kiyai Haji Husain Sijangkang' atau disebut di kalangan masyarakat Jawa sebagai Pondok Kiyai Kusin. Kiyai Husain merupakan anak Kiyai Abbas, cucu kepada Kiyai Qaribun dan anak saudara kepada Kiyai Ali. Pondok Kiyai Husain dikenali juga sebagai Pondok Wetan dan Pondok Kiyai Ali dikenali sebagai Pondok Kulon.

Sekarang, pondok ini disebut sebagai Asrama Haji Husain dan Ma'ahad al-Ṭalabah al-'Abbāsiyyah. Dikatakan bahawa kegemilangan pengajian pondok Kiyai Husain adalah antara tahun 60-an dan 70-an, namun kemudiannya pupus disebabkan tiada penyambung untuk meneruskannya. Berbanding pondok lain, pondok ini istimewa kerana ia mengeluarkan sijil khatam Al-Quran dengan qiraat Hafs.

#### **4.3. Pondok Kiyai Haji Abu Darda'**

Pondok ini terletak di Kampung Batu 3, Sungai Pinang, Klang. Ia merupakan pondok yang terkenal. Pelajar yang belajar di pondok-pondok lain akan menyambung pengajian di pondok ini, sebelum melanjutkan pengajian di pondok Sijangkang dan kemudian ke pondok Kiyai Syamsuddin di Gersik, Muar.

#### **4.4 Ribat al-Fuad, Pondok Kiyai Haji Khalil**

Pondok ini terletak di Bukit Naga, Klang. Ia ditubuhkan pada tahun 1940 oleh Kiyai Ma'sum bin Muzayyin yang dikenali juga sebagai Kiyai Khalil bin Abu Ammar.

#### **4.5. Pondok Kiyai Haji Hairawi**

Pondok ini terletak di Kampung Kanchong Darat, Kuala Langat. Kiyai Muhammad Hairawi bin Haji Dahlan dilahirkan Jalan Pulai, Kanchong Darat pada tahun 1935. Beliau belajar agama dari ayahnya sendiri, Kiyai Haji Dahlan. Selepas itu melanjutkan pengajian di pondok Kiyai Husain Sijangkang dan ke Pondok Temoh, Perak, kemudian pondok Rungkup, Bagan Datok, Perak dan Pondok Sungai Tiang, Perak dan akhirnya di Pondok Kiyai Haji Khalil, Bukit Naga, Klang.

Pondoknya ditubuhkan pada 1961 sebagai lanjutan kepada pondok ayahnya di Kampung Kanchong Tengah yang ditubuh pada tahun 1925. Pondok ini masih berfungsi sehingga hari ini walaupun sambutanannya tidak begitu menggalakkan.

#### **4.6. Pondok Kiyai Sohod**

Pondok ini terletak di Kampung Sungai Tengah Darat, Sabak Bernam. Kiyai Md Sohod alim dalam pelbagai ilmu agama termasuk ilmu falak. Pondok ini ditubuhkan bersama masyarakat Jawa yang datang membawa kiyai dari Solo. Sekitar tahun 1960-an, pondok ini masih aktif dan mendapat kepercayaan masyarakat. Namun, selepas tertubuhnya Maahad Batu 38 dan Kolej Islam pada 1967, pondok ini mula merosot. Kiyai Sohod kemudian mengambil inisiatif lain dengan menjadikan pondok ini pusat pemulihan dadah (pondok *inābah*). Ia juga memiliki cawangan di Pongsun, Hulu Langat Selangor.

### **5. PONDOK-PONDOK LAIN**

Selain dari pondok-pondok di atas, terdapat lagi beberapa pondok Jawa yang dikesan ketika temuramah dengan responden berkaitan pondok-pondok di atas. Namun, maklumat lebih mendalam tentang pondok-pondok tersebut belum diperolehi.

Pondok-pondok tersebut adalah Pondok Kiyai Masyhudi, Sungai Pinang, Klang, Pondok Kiyai Haji Dahlan, Sungai Udang, Klang, Pondok Kiyai Ikhsan, Panchang Bedena, Sabak Bernam, Pondok Kiyai Saleh, Tebuk Jawa, Sabak Bernam, Pondok Kiyai Marzuki, Tanjung Karang dan sebuah pondok di Kampung Lombong, Klang.

### **6. SISTEM DAN KITAB PENGAJIAN**

Sistem pembelajaran pondok Jawa Selangor ini tidak jauh beza dengan sistem pondok-pondok lain di Malaysia. Pengajian disampaikan oleh guru, tiada peperiksaan, tiada kelas tambahan dan tiada sijil dikeluarkan. Ini kerana objektif penubuhannya adalah untuk melahirkan pelajar yang alim dan mahir dalam bahasa Arab, dengan harapan mereka dapat memimpin masyarakat setempat apabila pulang ke kampung masing-masing. Sistem yang sangat konvensional dan mudah ini tidak memerlukan kerja pentadbiran dan pengurusan pejabat yang rumit.

Kiyai sebagai pengasas pondok atau tonggak utama adalah ketua dalam segala hal. Segala kitab yang dibaca, disiplin dan perkara yang berkaitan pondok ditentukan sendiri oleh kiyai utamanya. Bahkan di sesetengah pondok, kiyai merupakan ketua masyarakat Jawa setempat. Pada hari Jumaat, semua warga masyarakat tidak bekerja bagi menghadiri sesi pengajian kaum ibu dan bapa pada waktu pagi.

### 6.1 Kitab-Kitab Tahap Pertama

Secara umumnya kitab-kitab yang dibaca di pondok-pondok Jawa ini dapat dibahagikan kepada dua; iaitu pertama kitab bagi pelajar baru dan kedua, kitab bagi pelajar-pelajar lama. Antara kitab-kitab bagi tahap pertama ialah Muqaddam, Matn al-Ājurrumiyyah (ilmu nahu Arab), Matn al-Binā' wa al-Asās dan Matn al-'Izzī (ilmu saraf - morfologi), Matn al-Taqrīb, Safīnah al-Najāh, Matn Sullam al-Tawfīq (fekah Syafi'i), Matn al-Arba'īn (hadis)

### 6.2 Kitab-Kitab Tahap Kedua

Manakala bagi tahap kedua, antara kitab yang dibaca adalah seperti berikut:

- i. Kitab-kitab ilmu nahu adalah Nizām al-'Umriti, Matn Alfīyyah Ibn Malik, al-Mutammimah, Syarḥ Ibn 'Aqīl.
- ii. Kitab-kitab şaraf adalah: Matn al-Maqşūd.
- iii. Kitab-kitab fekah adalah: Syarḥ al-Bājūrī, Faṭḥ al-Mu'īn, I'ānah al-Ṭālibīn, al-Iqnā', Nihāyah al-Zayn, Faṭḥ al-Wahhāb.
- iv. Kitab-kitab tafsir adalah: Tafsīr al-Jalālayn, Tafsīr al-Munīr (Nawawi Banten).
- v. Kitab-kitab hadis adalah: Mukhtaşar Ibn Abī Jamrah, Şaḥīḥ Bukhari, Şaḥīḥ Muslim, Muşṭalāḥ al-Hadīth.
- vi. Kitab akhlak adalah: Ta'līm al-Muta'allim Tarīqah al-Ta'allum.
- vii. Kitab-kitab tasawwuf adalah: Hidāyah al-Sālikīn, Murāqī al-'Ubūdiyyah dan Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn.

## 7. PENUTUP

Kebanyakan pondok-pondok ini sudah tidak ada lagi atau ada tetapi tidak berfungsi sebagai pondok pengajian lagi. Asrama Haji Husain kini merupakan penempatan untuk warga tua yang melazimi amalan zikir yang dipimpin oleh Kiyai Muhammad Mahin, salah seorang anak Kiyai Husain.

Menurut Dato Nahwari, insititusi pondok Jawa tidak lagi berkembang kesan dari kemunculan sekolah-sekolah agama atau ma'had yang menawarkan pengajian secara bersijil yang diiktiraf dan dapat digunakan untuk menyambung pengajian serta memperoleh pekerjaan rasmi.

## 8. RUJUKAN

- Abdul Malik Munip, 1984, *Bandar Maharani dan Daerah Muar, 1884-1920*, Kuala Lumpur, hal.66-69.
- Rahilah Omar, Khazin Mohd. Tamrin, Nordin Hussin Dan Nelmawarni. *Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis Ke Tanah Melayu: Kajian Kes Di Johor*, Jebat 36 (2009) 41-61.
- Khazin Mohd. Tamrin, 1984, *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan Dan Penempatan, 1880-1940*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Malaysia.
- Terua Sekimoto, "Pioneer Settlers and State Control: A Javanese Migrant Community in Selangor, Malaysia." *Southeast Asian Studies*, Vol. 32, No.2, September 1994, <https://kyoto-seas.org/pdf/32/2/320202.pdf>

Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi dan Bani Sudardi, “Migrasi Tradisi Pesantren Jawa Ke Malaysia Awal Abad Ke-20”, *Ibda’ Jurnal Kebudayaan Islam*, Vol. 12, No. 2, Juli - Desember 2014, <http://ejournal.iainpurwokerto.ac.id/index.php/ibda/article/viewFile/484/436>

Temuramah dengan Tuan Haji Sutrisno bin Mahfuz, di Klang, bekas pelajar Pondok Kiyai Abu Darda’, 28 Julai 2017.

Temuramah dengan Dato’ Haji Nahwari bin Hashim, di Shah Alam, bekas pelajar Pondok Kiyai Md Sohod, 27 Julai 2017.